

**Penjawat Awam Sabah Terima Bonus Setengah Bulan Gaji  
Bernama  
Ogos 13, 2011**

**KOTA KINABALU:** Seramai 19,191 kakitangan awam perkhidmatan awam Sabah akan menerima bonus setengah bulan gaji atau minimum RM500, kata Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman.

Musa yang juga Menteri Kewangan Negeri Sabah berkata kos untuk pembayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini kepada penjawat awam adalah sebanyak RM16,166,364.40.

"Ia bagi menghargai sumbangan dan dedikasi anggota perkhidmatan awam dalam menjayakan program dan agenda pembangunan negeri untuk kesejahteraan rakyat. Ini juga sebagai langkah untuk meringankan beban mereka dalam menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat," katanya dalam kenyataan di sini, Sabtu.

Beliau berkata pemberian bonus ini selaras dengan langkah yang dibuat oleh kerajaan Persekutuan dan akan dibayar sebelum Hari Raya Aidilfitri. **-BERNAMA**

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source:

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/8/13/mstar\\_berita/20110813162210&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/8/13/mstar_berita/20110813162210&sec=mstar_berita)